



PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 9/2020

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg.Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**COVID-19: ARAHAN MENGENAI AKTIVITI DAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA OLEH WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.


2. Sehubungan dengan kenyataan oleh *World Health Organisation (WHO)* pada 11 Mac 2020 yang mengisytiharkan bahawa wabak COVID-19 telah menjadi status pandemik, pihak Universiti mengambil keputusan untuk **TIDAK MEMBENARKAN** warga Universiti terlibat dalam apa jua aktiviti dan perjalanan ke luar negara yang melibatkan negara-negara berisiko tinggi seperti China (termasuk Macau, Hong Kong dan Taiwan), Jepun, Korea Selatan, Itali dan Iran. Senarai terkini negara-negara yang dilarang dikunjungi akan dimaklumkan kepada warga dari semasa ke semasa.

3. Bagi perjalanan ke negara-negara lain, pihak Universiti ingin menegaskan bahawa **SEBAIK-BAIKNYA ADALAH DITANGGUHKAN**. Sekiranya terdapat permohonan untuk ke luar negara bagi tujuan yang dianggap **KRITIKAL**, kebenaran khas hendaklah diperoleh daripada Naib Canselor terlebih dahulu. Pihak Universiti berharap semua warga dapat memberikan kerjasama sepenuhnya sehingga wabak berakhir memandangkan risiko pendedahan kepada jangkitan COVID-19 adalah tinggi dan berpotensi memberikan impak langsung kepada Universiti. Keselamatan dan kesihatan warga UKM adalah menjadi keutamaan pada ketika ini. Semua Ketua Pentadbiran di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memantau rapi pergerakan warga termasuk lawatan secara rasmi atau bercuti.

Sukacita pihak YBhg.Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua warga di bawah seliaan masing-masing mengenai arahan ini. Semua pihak adalah dinasihatkan untuk tidak menyebarkan berita dari sumber yang tidak sahih dan dimohon untuk bertenang kerana situasi dalam kampus buat masa ini adalah terkawal.

Kerjasama semua warga UKM dan sikap tanggungjawab yang dipamerkan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

DR. HJH. INA MD YASIN
Pendaftar

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89214888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian dan Kesihatan Pekerjaan
 - Ketua Pusat Kesihatan Universiti
 - Merangkap Ketua Tindakan Operasi
- b.p. Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM : Kategori Penyakit Berjangkit



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89214888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my